

10 NOV 2000

Mahathir-Kedah

KEDAH PERLU CARI SATU ASPEK KHAS, KATA DR MAHATHIR

GURUN, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan Kedah perlu mencari satu "bidang khas" untuk membangunkan negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kedah mungkin boleh jadi pusat perindustrian di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Pulau Pinang, Johor dan Selangor membangun dengan pesat kerana Pulau Pinang mempunyai pelabuhan, Johor berdekatan dengan Singapura dan Selangor mempunyai lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan dan terletak dekat dengan ibu negara, katanya semasa sesi dialog di Seminar Perkongsian Bijak Pembangunan Kedah di di sini.

Dr Mahathir berkata dua kawasan perindustrian yang baru -- kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam dan Pulau Dayang Bunting Kedah -- mungkin boleh dijadikan pusat perindustrian utama negara.

Kedah, katanya, mempunyai potensi untuk dimajukan.

Menjawab soalan lain semasa dialog itu, Dr Mahathir berkata pesawah di Kedah akan terus hidup dalam kemiskinan selagi mereka mengusahakan sawah yang saiznya kecil.

Beliau berkata mereka sepatutnya berpakat mengusahakan sawah secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi tinggi serta kaedah pengurusan yang cekap.

"Saya tak nampak ada jalan penanam padi dengna saiz tanah kecil boleh kaya dengan diberi subsidi," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak suka dengan mentaliti subsidi.

"Saya mungkin jadi tidak popular kerana tidak memberikan subsidi tetapi saya lebih rela jadi tidak popular daripada popular dengan memberikan wang dan dalam proses itu, menjadikan orang lebih lemah dan terus lemah," katanya.

-- BERNAMA

JM MAI